

JARDIN PANADINOL SYRUP (PARACETAMOL 120MG/5ML)

Paracetamol (120mg/5ml)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Jardin Panadinol Syrup
2. Bagaimana Jardin Panadinol Syrup berfungsi
3. Sebelum menggunakan Jardin Panadinol Syrup
4. Cara menggunakan Jardin Panadinol Syrup
5. Semasa menggunakan Jardin Panadinol Syrup
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Jardin Panadinol Syrup
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemas kini RiMUP
11. Nombor Siri

Apakah kegunaan Jardin Panadinol Syrup

Untuk melegakan demam, sakit kepala dan simptom demam dan selsema, sakit gigi, ketidakselesaan pertumbuhan gigi dan demam selepas vaksinasi

Bagaimana Jardin Panadinol Syrup berfungsi

Paracetamol bertindak sebagai analgesik (melegakan kesakitan) dan antipiretik (anti-demam) dengan sifat anti-radang yang minimal.

Sebelum menggunakan Jardin Panadinol Syrup

- Bila tidak boleh menggunakan Jangan ambil ubat ini jika:
 - anda mempunyai alahan terhadap Paracetamol atau mana-mana bahan lain yang terkandung dalam ubat ini (disenaraikan dalam Maklumat lanjut).
- Sebelum menggunakannya Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi sebelum menggunakan Jardin Panadinol Syrup jika anda:
 - Ada gangguan fungsi buah pinggang
 - Ada gangguan fungsi hati
- Jika mengambil ubat-ubat lain Beritahu doktor jika anda mengambil sebarang ubat lain, termasuk ubat yang

dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasar raya, atau kedai makanan kesihatan.

Maklumkan kepada doktor atau ahli farmasi anda jika anda sedang mengambil:

- Metoclopramide atau domperidone (digunakan untuk merawat loya dan muntah).
- cholestyramine (digunakan untuk merawat kolesterol tinggi).
- antikoagulan (ubat yang menipiskan darah, seperti warfarin).
- anticonvulsants (ubat untuk merawat epilepsi).

Cara menggunakan Jardin Panadinol Syrup

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti. Ia mungkin berbeza dari maklumat di dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat anda, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

- Berapa banyak harus digunakan

Untuk dos yang tepat, timbang berat anak anda dan tentukan dos yang akan diberikan berdasarkan 15mg Panadinol untuk setiap kg berat badan yang diberikan setiap 4 atau 6 jam. cth: Jika berat anak anda 20 kg: $20 \text{ kg} \times 15 \text{ mg} = 300 \text{ mg}$
 $300 \text{ mg} / 120 \text{ mg} \times 5 \text{ ml} = 12.5 \text{ ml}$
 Dos harian maksimum: 60mg/kg dibahagikan dalam dos terbahagi 10 - 15mg/kg sepanjang tempoh 24 jam. Jadual di bawah menyediakan panduan ilustrasi untuk dos berdasarkan berat kanak-kanak. Sila ambil perhatian bahawa ini hanyalah contoh, dan disyorkan untuk berunding dengan pakar penjagaan kesihatan untuk maklumat dos yang tepat.

Umur Anak	Berat Anak (kg)	Berapa banyak	Kekerapan (dalam 24 jam)
3-6 bulan	4	2.5ml	4 kali
6-24 bulan	8	5ml	4 kali
2-4 tahun	12	7.5ml	4 kali

4-8 tahun	14	10ml	4 kali
8-10 tahun	24	15ml	4 kali
10-12 tahun	32	20ml	4 kali

- Bila perlu digunakan

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

- Berapa lama perlu digunakan

Gunakan ubat ini mengikut tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

- Jika anda terlupa menggunakan

Ambil dos yang tertinggal sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos yang tertinggal dan kemudian teruskan mengambil ubat mengikut jadual seperti biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal

- Jika menggunakannya secara berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika dos berlebihan telah digunakan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Penggunaan ubat ini secara berlebihan mungkin menyebabkan kerosakan pada hati dan buah pinggang.

Semasa menggunakan Jardin Panadinol Syrup

- Perkara yang perlu dilakukan

Guna ubat anda mengikut arahan doctor.

Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Jardin Panadinol Syrup.

JARDIN PANADINOL SYRUP (PARACETAMOL 120MG/5ML)

Paracetamol (120mg/5ml)

- Perkara yang tidak boleh dilakukan
Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.

Jangan mula menggunakan sebarang ubat baharu tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan berikan Jardin Panadinol Syrup kepada sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama dengan anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian
Sila sentiasa berunding dengan doktor atau ahli farmasi anda sebelum memberi anak anda produk ini terutamanya apabila terdapat hipersensitiviti yang diketahui.

Kesan-kesan sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, Jardin Panadinol Syrup boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang akan mengalaminya.

Kesan sampingan yang mungkin berlaku adalah:

- Kesan sampingan jarang dan biasanya ringan, walaupun reaksi hematologi telah dilaporkan.
- Reaksi hipersensitiviti kulit termasuk ruam kulit, angioedema, Sindrom Stevens Johnson/ Nekrolisis Epidermis Toxic telah dilaporkan.

Amaran alahan:

Paracetamol boleh menyebabkan reaksi kulit yang teruk. Gejala mungkin termasuk kulit kemerahan, lepuh atau ruam. Ini boleh menjadi tanda-tanda keadaan serius. Jika tindak balas ini berlaku, hentikan penggunaan dan dapatkan bantuan perubatan dengan segera.

Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada

Pusat Pemantauan Kesan Adverse Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my [*Consumers → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)*].

Cara penyimpanan dan pelupusan Jardin Panadinol Syrup

- Penyimpanan
Jauhi semua ubat daripada kanak-kanak.

Simpan pada suhu di bawah 30°C.

Simpan dalam botol yang ditutup rapat.

Jangan simpan ubat yang telah tamat tempoh.

- Pelupusan
Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk
Sirup berwarna merah jernih dan berperisa strawberi.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif
 - Paracetamol
- Bahan tidak aktif
 - Methylparaben
 - Glycerine
 - Propylene Glycol
 - Sorbitol
 - Strawberry Flavor
 - Colour Carmoisine
 - Citric Acid
 - Sucralose
 - Sodium Citrate
 - Purified Water

- Nombor MAL
MAL*****

Pengilang

Jardin Manufacturing Sdn Bhd,
Lot 1,2,3 & 4,
Kawasan Industri Batu 7, 23000
Dungun, Terenganu,
Malaysia.

Pemegang Pendaftaran Produk

Jardin Manufacturing Sdn Bhd,
No 12-1, Jalan Delta U6/19,
Sunway Subang Business Park,
Jalan TUDM, 40150,
Shah Alam, Selangor,
Malaysia.

Tarikh kemas kini RiMUP

15/06/2026

Nombor Siri

NPRA(R2) 26/102